

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JONATHAN YASIN [RANAU]

TARIKH : 28 NOVEMBER 2019

SOALAN

minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berapa jumlah peruntukan belanja pembangunan yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada negeri Sabah dari tahun 1963 hingga 2018. Perincikan sejak 1963-2018 mengikut tahun dan Rancangan Malaysia

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada kemakmuran rakyat di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Kerajaan juga sentiasa memastikan kesejahteraan rakyat terus menjadi keutamaan bagi memelihara dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

2. Justeru itu, peruntukan pembangunan sebanyak RM464.8 bilion untuk Semenanjung, RM71.65 bilion untuk Sabah dan RM61.9 bilion untuk Sarawak telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan yang meliputi sebelas Rancangan Malaysia dari tahun 1966 hingga 2018. Bagi negeri Sabah, Kerajaan Persekutuan telah mengagihkan peruntukan kepada Jabatan-Jabatan dan Agensi Persekutuan di Sabah melalui Kementerian yang telah dikenalpasti daripada RMKe-8 hingga RMKe-11 antaranya seperti Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah, Jabatan Perhutanan Sabah, Jabatan Laut Sabah, Jabatan Air Negeri Sabah, Jabatan Kerja Raya Sabah, Jabatan Kesihatan Sabah, Jabatan Pelajaran Sabah, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sabah

NO. SOALAN : 30

(SEDCO) dan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM). Peruntukan pembangunan yang disediakan ini bagi melaksanakan projek yang memberikan manfaat terus kepada rakyat di seluruh negara terutamanya projek-projek yang bersifat mesra rakyat dan berimpak tinggi seperti jalan raya, jambatan, bekalan air, bekalan elektrik, keselamatan, kesihatan, sekolah dan sebagainya.

3. Seperti yang telah dinyatakan perenggan sebelum ini, perincian peruntukan asal bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak mulai daripada Rancangan Malaysia Pertama sehingga Rancangan Malaysia Kesebelas adalah sepertimana berikut:

BIL	RM/RMK	TAHUN	PERUNTUKAN ASAL (RM JUTA)		
			SEMENANJUNG	SABAH	SARAWAK
1	Pertama	1966 - 1970	3,714	374	464
2	Kedua	1971 - 1975	5,868	774	608
3	Ketiga	1976 - 1980	13,360	1,452	1,657
4	Keempat	1981 - 1985	23,792	1,846	2,515
5	Kelima	1986 - 1990	24,787	2,670	2,631
6	Keenam	1991 - 1995	30,741	2,307	3,209
7	Ketujuh	1996 - 2000	33,627	4,496	4,548
8	Kelapan	2000 - 2005	56,158	7,990	8,676
9	Kesembilan	2006 - 2010	118,423	15,990	6,129
10	Kesepuluh	2011-2015	102,700	20,609	18,637
11	Kesebelas	2016-2018	51,641	13,139	12,825
JUMLAH			464,811	71,647	61,899

NO. SOALAN : 30

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat pertambahan peruntukan pembangunan untuk Semenanjung dan Sabah daripada Rancangan Malaysia Kesembilan daripada rancangan sebelumnya. Manakala pertambahan peruntukan di Sarawak pula adalah daripada Rancangan Malaysia Kesepuluh berbanding rancangan-rancangan sebelumnya. Pertambahan peruntukan pembangunan ini antara lain, adalah selaras dengan aspirasi negara bagi mencapai tahap ekonomi yang lebih kukuh dengan nilai tambah yang lebih tinggi di samping memberikan tumpuan kepada pembangunan sosioekonomi dan meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Sekian, terima kasih.